

10,000 TAWARAN PEKERJAAN DALAM SEKTOR AGROMAKANAN



Putrajaya, 18 Jun – Seminar Pemadanan Pekerjaan Subsektor Tanaman anjuran Jabatan Pertanian Malaysia adalah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu pemain industri subsektor tanaman agromakanan mendapatkan pekerja dalam kalangan warga tempatan bagi mengatasi kekurangan pekerja dalam sektor agromakanan.

YB Datuk Seri Hj. Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I berkata, terdapat 17,425 peluang kerjaya aktif dalam sektor pertanian telah diiklankan dalam portal MYFutureJobs. Sebanyak 13,167 (76%) daripadanya adalah pekerjaan yang ditawarkan dalam subsektor tanaman yang meliputi pelbagai kategori jawatan termasuk

pengurusan dan pentadbiran, teknikal pertanian, penyelia ladang dan pekerja ladang.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan merupakan tiga sektor utama di Malaysia yang majoriti pekerjaanya adalah bukan warganegara. Jabatan Imigresen Malaysia turut merekodkan sebanyak 156,334 pekerja asing aktif di Malaysia bagi sektor pertanian untuk tempoh sehingga 30 Jun 2019 dan dianggarkan 70% daripadanya adalah di bawah subsektor tanaman.

Sehubungan itu, Datuk Seri Hj. Ahmad berharap agar warga tempatan di luar sana terutamanya para belia dapat mengambil peluang dan merebut tawaran kerja dalam sektor tanaman agromakanan melalui penganjuran program ini.

Seminar pada hari ini turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Institut Koperasi Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia.

Terdapat lebih kurang 200 peluang kerjaya ditawarkan oleh lapan (8) syarikat yang menyertai seminar ini dan lebih 10,000 peluang kerjaya yang ditawarkan oleh pihak industri melalui portal MYFutureJobs di bawah seliaan pihak PERKESO. Seminar ini turut melibatkan penyertaan pelajar daripada Institut Pertanian (IP), Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Awam/Swasta, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Kolej Vokasional Pertanian.

Turut hadir pada program hari ini adalah YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia dan YBhg. Dato' Elias bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) dengan kehadiran peserta secara fizikal seramai 200 orang dan 1,000 orang melalui platform Webinar Zoom yang turut disiarkan secara langsung di Youtube TV Pertanian.